



IKLAN JAWATAN KOSONG DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia yang berasal dari Sabah** untuk mengisi kekosongan jawatan di Dewan Bandaraya Kota Kinabalu seperti berikut:-

I. JAWATAN : **PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN GRED W29**

1. **MAKLUMAT JAWATAN**

- a. Klasifikasi Perkhidmatan : Kewangan
- b. Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- c. Taraf Jawatan : **Sementara**
- d. Bilangan Kekosongan : Satu (1)
- e. Jabatan Penempatan : Jabatan Pengurusan Harta, DBKK

2. **JADUAL GAJI**

| <u>Gred</u> | <u>Gaji Minimum</u> | <u>Gaji Maksimum</u> |
|-------------|---------------------|----------------------|
| W29 | RM1,498.00 | - RM5,678.00 |

3. **SYARAT-SYARAT LANTIKAN**

Calon-calon hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- i). **Sijil Pengurusan Harta Tanah** yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; ATAU
- ii) **Sijil Penilaian Harta Tanah** yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; ATAU
- iii) **Diploma dalam bidang pengurusan harta tanah atau pengurusan harta benda** yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

SERTA

- iv) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

II. CARA MEMOHON

- a. Borang permohonan boleh didapati di **Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu Tingkat 7, Bangunan Centre Point Sabah.**
- b. Untuk keterangan lanjut sila berhubung Puan Mary Lutong/Puan Noorhayati Buang di talian 088-244000
- c. Semua permohonan daripada pegawai-pegawai kerajaan hendaklah melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan Laporan Penilaian Prestasi pada tahun semasa.
- d. Borang permohonan yang telah dilengkapi beserta dengan salinan sah Sijil Lahir, Kad Pengenalan, Sijil-sijil Kelayakan Akademik dan Gambar Berukuran Pasport hendaklah dikemukakan kepada:-

**PENGARAH
JABATAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU
NO. 1, JALAN BANDARAN
88675 KOTA KINABALU, SABAH**

Atau serahan tangan ke:-

**JABATAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU
TINGKAT 7, BANGUNAN CENTRE POINT SABAH**

tidak lewat dari tarikh **01 FEBRUARI 2019.**

Tarikh Iklan Dikeluarkan : 15 Januari 2019